

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN PELANCARAN SISTEM MENGAMBIL SEPANJANG MASA (SMSM)
Lokasi : AUDITORIUM MEORIAL TUNKU ABDUL RAHMAN KUALA LUMPUR
Tarikh : 21-12-1996

1. Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) yang sudi menjemput saya untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya melancarkan Sistem Mengambil Sepanjang Masa (SMSM) di majlis pada pagi ini. Saya juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada SPA kerana memperkenalkan sistem SMSM ini yang merupakan satu kemajuan dalam urusan pengambilan dan pengisian jawatan dalam Perkhidmatan Awam.

2. Saya mengalu-alukan pengwujudan Sistem ini kerana ia bukan sahaja merupakan suatu kaedah inovatif malah merupakan suatu anjakan paradigma sejajar dengan perubahan-perubahan yang berlaku di dalam dan di luar Perkhidmatan Awam. Dengan lebih berorientasikan pelanggan tanpa membebankan calon-calon dengan urusan memohon jawatan setiap kali iklan dikeluarkan, desakan untuk mengejar tarikh tutup sesuatu permohonan juga tidak timbul lagi. Kekecewaan yang dialami akibat kelewatan pada sistem penghantaran, serta pembaziran masa dan wang akan dapat dihindari. Kesan dari pelaksanaan sistem ini adalah urusan pemilihan dan pengambilan akan menjadi lebih cekap, menepati keperluan dan masa serta cost-effective dan menghasilkan menghasilkan the right person for the right job. Sebahagian dari masalah mengisi jawatan-jawatan kritikal seperti jurutera, arkitek, akauntan, doktor dan jururawat akan dapat diatasi. Salah satu sebab utama Perkhidmatan Awam sukar untuk mendapat calon yang bersesuaian adalah berpunca daripada sistem pengambilan sedia ada yang terlalu cumbersome dan membebankan. Saya amat gembira bahawa di bawah sistem sekarang, saya difahamkan proses pengambilan dan pengisian memakan masa 17 minggu untuk diselesaikan bermula dari penyediaan iklan sehingga ke peringkat tawaran. Bagi jawatan yang mensyaratkan ujian khas pula, masa tambahan selama 8 minggu lagi adalah diperlukan menjadikan jumlah masa keseluruhan yang diambil adalah 25 minggu. Dalam konteks keperluan perjawatan masakini, proses berlanjutan sebagai tidak boleh lagi diamalkan. Pengenalan Sistem Mengambil Sepanjang Masa yang diperkenalkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hari ini sudah tentu disambut baik oleh semua pihak, khususnya bakal-bakal calon dan jabatan-jabatan Kerajaan.

3. Sistem Mengambil Sepanjang Masa menawarkan khidmat pendaftaran pekerjaan dalam Perkhidmatan Awam secara berterusan dan akan digunakannya oleh Ibu Pejabat SPA dan SPA Cawangan Sabah dan Sarawak.

lanya digubal agar setanding dengan sistem yang diamalkan oleh sektor swasta di negara ini.

4. Secara tinjauan jauh, saya yakin SMSM dapat memberi kebaikan kepada semua pihak. SMSM juga akan menaikkan imej Perkhidmatan Awam serta membuktikan keperihatinan SPA dalam menyahut keperluan mendapatkan tenaga pekerja yang berkelayakan secara cepat dan berkesan. Sistem ini juga boleh menjadi pusat sumber maklumat kepada Badan-badan Berkanun, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan sekiranya timbul keperluan keperluan perjawatan.

5. Harapan saya, sistem yang diwujudkan dengan perancangan yang baik ini serta disokong pula dengan sistem aplikasi komputer yang berteknologi moden, akan dapat dilaksanakan secara berkesan serta memenuhi matlamatnya. Ingin saya tegaskan di sini bahawa keberkesanan SMSM adalah bergantung juga kepada kecekapan dan kerjasama Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan. Urusan pengambilan ini hanya dapat dibuat oleh SPA setelah menerima permintaan daripada Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru Ketua-ketua agensi Kerajaan supaya dapat mengemukakan permintaan pengisian kekosongan secara berjadual dan terancang supaya tidak wujud keperluan tenaga kerja secara mendadak yang menjadi sukar untuk diatasi nanti.

6. Syabas saya ucapkan kepada SPA yang telah berjaya melaksanakan Sistem SMSM ini. Saya juga ingin melahirkan rasa terima kasih dan penghargaan kepada MAMPU yang turut membantu dalam usaha ini.

Saya anggap Sistem SMSM ini sebagai satu lagi inovasi baru dalam kemajuan Perkhidmatan Awam Malaysia. Seimbis lalu, saya dapati SMSM mampu menyahut seruan Kerajaan ke arah melahirkan budaya pengurusan yang menuju ke arah kewujudan 'paperless bureaucracy', lebih bersifat 'customer oriented', lebih ringkas dan lebih mudah di samping dapat menurunkan kos, masa dan tenaga di pihak Urusetia SPA dan juga pemohon. Kerja juga menjadi lebih terancang dan cepat. Saya yakin ianya akan memberi kesan yang positif dalam pengurusan pengambilan ke dalam Perkhidmatan Awam.

7. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia di atas kejayaannya memperkenalkan Sistem Mengambil Sepanjang Masa (SMSM) ini. Semoga kejayaan SMSM ini akan menjadi inspirasi kepada lain-lain organisasi perkhidmatan awam agar dapat menempa kejayaan dalam lain-lain aspek perkhidmatan.

Oleh itu, saya dengan sukacitanya di majlis ini merasmikan pelancaran 'Sistem Mengambil Sepanjang Masa' Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia.